



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (30)

Tarikh : 5 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

Ruang Awam untuk Semua

Subang Jaya, 5 Oktober 2015 – Sambutan Hari Habitat 2015 yang bertemakan Ruang Awam Untuk Semua (*Public Spaces for All*) yang menekankan kepada pengwujudan ruang persekitaran yang selesa dan selamat bagi semua penduduk kalangan warga kota di kawasan perbandaran dirasmikan oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada hari ini.

2. Tema ini bertujuan bagi mewujudkan suatu persekitaran yang dapat memenuhi keperluan warga kota di mana hasil daripada pelaksanaan “Ruang Awam untuk semua” ini akan dapat melahirkan satu pembangunan persekitaran yang mampan dan kondusif untuk seluruh masyarakat.

3. Ruang awam yang baik akan dapat meningkatkan ke akrab dan ukuwah komuniti penduduk dan masyarakat. Dengan adanya ruang awam ini dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Selain daripada itu ianya dapat meningkatkan pelaburan hartanah disekitar kawasan, pembangunan ekonomi pesat dan terancang serta pemeliharaan alam sekitar yang lebih mapan. Ruang awam yang dirancang dengan baik melambangkan kelastiaan dan kesejahteraan bandar tersebut.

4. Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah satu sambutan peringkat global yang dianjurkan oleh semua negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa. Tarikh rasmi bagi Sambutan Hari Habitat Sedunia yang ditetapkan oleh UN-HABITAT jatuh pada hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. Pada tahun ini, ianya jatuh pada 5 Oktober 2015.

5. KPKT telah dilantik sebagai *National Focal Point* untuk menyelaras semua aktiviti berkaitan *United Nations Human Settlement Programme* atau UN-HABITAT di Malaysia sejak tahun 1985. Sejak pelantikannya, Kementerian telah terlibat secara aktif dalam menganjurkan program-program dan aktiviti sepanjang tahun untuk Sambutan Hari Habitat Sedunia.

6. Pelbagai program sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015 telah diadakan seperti Habitat Awareness Mobile Team, Pertandingan Analisis Senario Habitat, Program House Build, Penerbitan Majalah Habitat, Program Habitat Moment, Pertandingan Photojournalism, pameran dan Seminar *National Urban Forum*.

7. Seminar *National Urban Forum* (Forum Perbandaran Nasional) ini yang dianjurkan oleh KPKT dengan kerjasama Eastern Regional Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement (EAROPH) adalah forum yang membincangkan pelbagai isu perbandaran untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di satu-satu perbandaran. Pelbagai strategik yang inovatif dari aspek sosial, ekonomi dan isu-isu persekitaran dapat dimanfaatkan bagi menangani cabaran yang dihadapi dengan mewujudkan kemudahan persekitaran yang selesa kepada masyarakat perbandaran.

8. Seminar ini juga adalah di antara aktiviti yang dirancang bagi persiapan Malaysia menjadi tuan rumah kepada World Urban Forum (WUF) ke 9 pada 2018. Dijangkakan 22 ribu penyertaan dari seluruh dunia dengan perbandingan inisiatif 140 buah negara mengenai kesejahteraan bandar melalui perancangan bandar yang berkesan akan dibincangkan di WUF 2018 ini.

9. KPKT mensasarkan semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk menghayati objektif Hari Habitat Sedunia menerusi pelbagai program yang disesuaikan untuk golongan pelajar, masyarakat umum, penduduk luar bandar, golongan miskin, sektor swasta, perwakilan asing dan NGO.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my